

Headline	Penyakit berjangkit harus dikawal Lee		
MediaTitle	Harian Ekspres (KK)		
Date	15 Jun 2012	Color	Black/white
Section	Tempatan	Circulation	29,826
Page No	7	Readership	97,836
Language	Malay	ArticleSize	117 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 241
Frequency	Daily	PR Value	RM 723



Penyakit berjangkit harus

dikawal: Lee

KOTA KINABALU: Penyakit berjangkit harus dikawal dengan baik dan kejadian kes baharu perlu berada pada trend menurun di negara-negara membangun termasuk Malaysia.

Ketua Biro Perubatan dan Kesihatan DAP Sabah, Dr. Joseph Lee berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Timbalan Menteri Kesihatan Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin yang berkata terdapat peningkatan 100 peratus dalam kes hepatitis di negara ini, terutamanya di Sabah.

"Ini tidak seharusnya berlaku dan ia juga menunjukkan bagaimana buruknya pengurusan sistem penjagaan kesihatan Malaysia, terutamanya dalam kalangan penduduk Sabah yang terpinggir.

"Rosnah juga menyebut punca trend meningkat Hepatitis B di Sabah seperti kehadiran rakyat asing atau pendatang tanpa izin (PTI), jangkitan janin dan berkongsi jarum suntikan, dan hubungan seksual," katanya dalam kenyataannya

pada Rabu lalu.

Beliau mendakwa pengesanan hepatitis dalam kalangan rakyat asing atau PTI menunjukkan kegagalan Jabatan Imigresen dalam menghalang penghijrahan PTI di sempadan Malaysia.

"PTI mungkin membawa bukan sahaja Hepatitis B tetapi juga Hepatitis A, tifoid, siplis, gonorea dan HIV/AIDS.

"Lebih penting lagi, adalah kegagalan melakukan pemeriksaan populasi bagi hepatitis dan program suntikan serta pelaksanaan program pencegahan seperti itu tidaklah begitu sukar," kata Dr Lee.

"Sebagai raket Malaysia di Sabah, saya tidak berbangga dengan angka itu...apa yang pihak kementerian tersebut dan agensi berkaitan yang lain telah lakukan untuk menyelesaikan masalah tersebut? Apa rancangan masa depan mereka? Saya bertanya semua ini kerana kesihatan negara tidak boleh dikompromi walau dengan apa cara sekalipun," katanya lagi.